

KESAN LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN KE ATAS KUALITI
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM BIDANG
TEKNIK DAN VOKASIONAL

HAIRANI BTE RAZALI

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

PERPUSTAKAAN UTHM



3000001883596

07/90/37

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS^o

JUDUL: KESAN LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN KE ATAS
KUALITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM
BIDANG TEKNIK DAN VOKASIONAL

SESI PENGAJIAN: 2006/2007

Saya HAIRANI BTE RAZALI
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor Falsafah)* ini disimpan di Perpustakaan dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut;

1. Tesis adalah hakmilik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
2. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (√)


SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)


TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD



(TANDATANGAN PENULIS)

Disahkan oleh 

(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:
NO. 11, JALAN MANIS 7,
TAMAN MANIS 2,
86400 PARIT RAJA,
BATU PAHAT, JOHOR.

PROF. MADYA DR. WAN MOHD RASHID B. WAN AHMAD

Nama Penyelia

Tarikh: 22. 11. 2006

Tarikh: 22. 11. 2006


CATATAN:

* Potong yang tidak berkenaan.

** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD


♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“Kami akui bahawa kami telah membaca tesis ini dan pada pandangan kami tesis ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional”


 Pengerusi
 PROF. MADYA HJ. AB. AZIZ BIN ABDUL LATIFF
 Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar
 Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn


04 JUL 2006

Tarikh


 Pemeriksa
 PROF. MADYA DR. ABD. WAHID BIN MUKHARI
 Fakulti Pendidikan
 Universiti Teknologi Malaysia


04 JUL 2006

Tarikh


 Pemeriksa
 DR. HJ. BAHAROM BIN MOHAMAD
 Fakulti Pendidikan Teknikal
 Kolej Universiti Teknologi tun Hussein Onn

04 JUL 2006

Tarikh


 Pemeriksa
 PROF. MADYA Dr. NORAINI BINTI KAPRAWI
 Pusat Pendidikan Berterusan
 Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

04 JUL 2006

Tarikh

KESAN LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN KE ATAS KUALITI
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM BIDANG
TEKNIK DAN VOKASIONAL


HAIRANI BTE RAZALI

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

NOVEMBER, 2006

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Pelajar : 


HAIRANI BTE RAZALI

Tarikh : 22. 11. 2006

Diselia oleh:

Penyelia I : 

PROF. MADYA DR. WAN MOHD RASHID B. WAN AHMAD

Penyelia II : 

TUAN HJ. JAMALUDIN B. HASHIM

Untuk suami tercinta, Azme b. Khamis.

anak-anak tersayang,

Amirul Fikri

Amirah Afiqah

Amirul Farhan

emak dan arwah abah yang disanjung

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada penyelia utama tesis, Prof. Madya Dr. Wan Mohd Rashid bin Wan Ahmad atas galakan, bimbingan dan sokongan yang berterusan sepanjang tempoh penyelidikan tesis ini. Kesemua pandangan dan nasihat beliau amat bernilai dan dihargai. Sifat kesempurnaan dan dedikasi yang tinggi terhadap kerja yang ditunjukkan oleh beliau akan sentiasa diingati dan menjadi asas untuk penulis lebih berjaya di masa hadapan. Penghargaan juga ditujukan kepada Penyelia Kedua, Tn. Hj. Jamaludin bin Hashim di atas nasihat dan pandangan yang turut menjadi panduan dalam mengakhiri cabaran ini.

Kerjasama daripada pihak pengurusan, guru-guru dan para pelajar SMT Batu Pahat, SMT Kluang, SMT Muar, SMT Pontian dan SMT Segamat amatlah dihargai. Tidak lupa kepada Kementerian Pelajaran Malaysia dan Pengetua SMK. Sri Gading, Batu Pahat atas kepercayaan dan kebenaran yang diberi kepada penulis untuk menjalankan kajian ini secara separuh masa.

Penghargaan dan rasa kasih sayang yang tidak terhingga untuk suami tercinta, Azme bin Khamis, atas kesabaran, sokongan yang tidak berbelah-bahagi dan nasihat yang telah diberi. Tanpa sokongan beliau, kajian ini mungkin tidak dapat diselesaikan. Untuk anak-anak tersayang, Amirul Fikri, Amirah Afiqah dan Amirul Farhan, dikaulah sumber inspirasi dan penyuntik semangat emak. Setinggi-tinggi penghargaan kepada emak, arwah abah dan kedua ibu bapa mertua yang telah banyak mendoakan kejayaan hidup ini. Penghargaan juga ditujukan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung membantu menjayakan projek penyelidikan ini.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti keberkesanan latihan dalam perkhidmatan yang dihadiri oleh guru-guru teknik dan vokasional dan sejauh mana hubungannya dengan keberkesanan pengajaran mereka dan pencapaian pelajar. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang turut disokong dengan maklumat daripada data kualitatif. Maklumat dikumpulkan melalui dua set soal selidik, set A dan set B. Set A diberikan kepada 43 orang guru sekolah menengah teknik (SMT) di Kluang, Batu Pahat, Muar, Segamat dan Pontian, Johor. Kajian ini mempertimbangkan empat mata pelajaran elektif utama bagi pelajar-pelajar aliran teknikal iaitu Pengajian Kejuruteraan Awam (PKA), Pengajian Kejuruteraan Mekanikal (PKM), Pengajian Kejuruteraan Elektrik (PKE) dan Lukisan Kejuruteraan (LK). Antara maklumat yang diperolehi adalah latar belakang responden, keberkesanan latihan yang diikuti dan juga keberkesanan pengajaran guru. Manakala soal selidik set B pula diedarkan kepada 1225 orang pelajar yang diajar oleh guru-guru di atas. Maklumat mengenai keberkesanan guru-guru teknik dan vokasional pada pandangan pelajar diperolehi melalui soal selidik ini. Kaedah temu bual telah dilakukan ke atas Penolong-penolong Kanan SMT untuk mendapatkan maklumat umum daripada pihak pengurusan yang boleh membantu kajian. Di samping itu, data markah peperiksaan pelajar juga diambil dan dianalisis. Semua data telah dianalisis menggunakan pakej SPSS versi 12. Antara analisis yang dilakukan adalah taburan kekerapan bagi data latar belakang responden, nilai purata bagi data latihan dalam perkhidmatan dan guru berkesan, ujian-*t* untuk mengkaji perbezaan pencapaian pelajar yang diajar oleh guru yang mengikuti latihan dan tiada latihan dalam perkhidmatan dan pekali korelasi Pearson bagi mengkaji hubungan antara latihan dalam perkhidmatan dengan keberkesanan pengajaran guru dan pencapaian pelajar. Kajian membuktikan bahawa latihan dalam perkhidmatan yang dihadiri oleh guru SMT mempunyai tahap keberkesanan yang tinggi. Latihan dalam perkhidmatan yang menitikberatkan kemahiran guru menjadi ciri utama yang dipersetujui oleh para guru di SMT. Namun begitu, ada juga aktiviti-aktiviti pembangunan staf bagi guru-guru teknikal yang dilaksanakan secara kurang berkesan dari segi tempoh yang tidak mencukupi dan pelaksanaan yang tidak berterusan. Kajian juga membuktikan bahawa guru-guru SMT mempunyai kecekapan profesion yang tinggi dari segi kemahiran dan ilmu pengetahuan tetapi tahap keberkesanan sederhana dari segi hubungan interpersonal dan kemahiran kaunseling. Kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara latihan dalam perkhidmatan dengan keberkesanan pengajaran guru, keberkesanan pengajaran guru dengan pencapaian pelajar dan juga antara latihan dalam perkhidmatan dengan pencapaian pelajar.

ABSTRACT

This research is carried out to identify the effectiveness of in-service training programs which have been attended by technique and vocational teachers and how far did these programs relate with teachers' effectiveness and students' achievement. This research considered the quantitative data which is also supported by the qualitative data. The data were collected through two sets of survey-questionnaires. One set of the survey questionnaires which encompasses questions on the respondents' background, the type of training attended, the teachers' view of the training provided and the characteristics of effective teaching were given to 43 technical teachers. Another set of questionnaires which encompasses questions on the students' views on their teacher's effectiveness were distributed to 1225 students of SMT Kluang, Batu Pahat, Muar, Segamat and Pontian, Johor. Four major elective subjects for technical students were considered in this study namely Civil Engineering Studies (PKA), Mechanical Engineering Studies (PKM), Electrical Engineering Studies (PKE) and Engineering Drawing (LK). Additional information relating to the research questions were obtained from Senior Assistants through interviews. The students' examination marks were taken as valuable data to be analysed. The data obtained were analysed using SPSS package. Several techniques were introduced in enabling the researcher to answer the research questions such as frequency distribution for the respondents' background and the type of training data, summary statistics for the effective training and effective teaching data, *t*-test was used to investigate the differences in students' achievement between trained teachers and untrained teachers and the relationships between in-service training and teachers' effectiveness as well as students' achievement were tested using Pearson's correlation coefficient. This research proved that the effectiveness level of in-service training attended by the teachers was high. The training which emphasized on the teachers' skills was found to be most needed in technical institution. However, an improvement should be considered in determining the training duration and the training should be conducted consistently. It is also found that professional competence such as skills and knowledge is indicated as the main characteristic of being an effective technical and vocational teacher. Meanwhile, interpersonal relationship between teachers and students as well as counseling skills were less effective. This study indicated that there is a significant relationship between in-service training and teacher's effectiveness, teacher's effectiveness and students' achievement and also in-service training and students' achievement.

KANDUNGAN

BAB	TAJUK	MUKA SURAT
	Judul	i
	Pengakuan	ii
	Dedikasi	iii
	Penghargaan	iv
	Abstrak	v
	Abstract	vi
	Kandungan	vii
	Senarai Jadual	xii
	Senarai Rajah	xv
	Senarai Singkatan	xvi
	Senarai Lampiran	xviii
I	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Asas Perkembangan Pendidikan Teknik dan Vokasional	3
	1.3 Sejarah dan Perkembangan Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia	5
	1.4 Latar Belakang Masalah	6

1.5	Pernyataan Masalah	9
1.6	Matlamat Kajian	10
1.7	Objektif Kajian	11
1.8	Soalan Kajian	11
1.9	Hipotesis Kajian	12
1.10	Skop Kajian	14
1.11	Kerangka Teori Kajian	16
1.12	Kepentingan Kajian	17
1.13	Batasan Kajian	19
1.14	Definisi Istilah	19
	(i) Latihan Dalam Perkhidmatan	19
	(ii) Keberkesanan	20
	(iii) Guru Teknik dan Vokasional	20
	(iv) Pencapaian Pelajar	20
1.15	Organisasi Tesis	21
II	SOROTAN KAJIAN	22
2.1	Pengenalan	22
2.2	Konsep Pendidikan Teknik dan Vokasional	22
2.3	Model Prestasi Kerja	25
2.4	Latihan Dalam Perkhidmatan	27
2.5	Latihan Dalam Perkhidmatan Yang Berkesan	30
2.6	Guru Yang Berkesan	36
2.7	Hubungan Latihan Dalam Perkhidmatan Dengan Prestasi Kerja	42

2.8	Hubungan Latihan Dalam Perkhidmatan dengan Keberkesanan Pengajaran Guru dan Pencapaian Pelajar	45
2.9	Rumusan Kajian Lepas	48
III	METODOLOGI KAJIAN	50
3.1	Pengenalan	50
3.2	Reka bentuk Kajian	50
3.3	Persampelan	52
3.4	Kajian Rintis	54
3.5	Instrumen Kajian	55
	3.5.1 Soal Selidik	56
	3.5.2 Temu Bual	58
3.6	Pengumpulan Data	60
3.7	Analisis Data	61
	3.7.1 Statistik Deskriptif	63
	3.7.2 Ujian- <i>t</i>	63
	3.7.3 Analisis Korelasi	64
3.8	Ringkasan Kaedah Analisis Data	66
IV	ANALISIS KAJIAN	69
4.1	Pengenalan	69
4.2	Prosedur Menganalisis Data	69
4.3	Analisis Deskriptif	71

4.3.1	Latar Belakang Responden Kajian	72
4.3.2	Bilangan dan Jenis Latihan	74
4.3.3	Tahap keberkesanan Latihan Dalam Perkhidmatan	77
4.3.4	Kesan Latihan Dalam Perkhidmatan Ke Atas Pengajaran Guru	82
4.3.5	Tahap keberkesanan Pengajaran Guru Teknik dan Vokasional	84
4.3.5.1	Tahap keberkesanan Pengajaran Guru Teknik Dan Vokasional Mengikut Sekolah	88
4.3.5.2	Tahap keberkesanan Pengajaran Guru Teknik dan Vokasional Mengikut Mata Pelajaran	92
4.3.6	Keperluan dan Keupayaan Latihan Dalam Perkhidmatan	95
4.3.7	Perubahan Pencapaian Pelajar	98
4.4	Analisis Berstatistik	103
4.4.1	Ujian- <i>t</i>	104
4.4.2	Analisis Korelasi	105
4.4.2.1	Hubungan Di Antara Keberkesanan Latihan Dalam Perkhidmatan Dengan Keberkesanan Pengajaran Guru	105
4.4.2.2	Hubungan Di Antara Keberkesanan Pengajaran Guru Dengan Pencapaian Pelajar	107
4.4.2.3	Hubungan Di Antara	

	Keberkesanan Latihan Dalam Perkhidmatan Dengan Pencapaian Pelajar	109
V	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
		111
	5.1 Pengenalan	111
	5.2 Perbincangan	112
	5.2.1 Keberkesanan Latihan Dalam Perkhidmatan	112
	5.2.2 Keberkesanan Pengajaran Guru Teknik dan Vokasional	116
	5.2.3 Pencapaian Pelajar Teknik dan Vokasional	121
	5.2.4 Hubungan Antara Keberkesanan Latihan Dalam Perkhidmatan dengan Keberkesanan Pengajaran Guru dan Pencapaian Pelajar	123
	5.3 Kesimpulan	125
	5.3.1 Keberkesanan Latihan Dalam Perkhidmatan	125
	5.3.2 Keberkesanan Pengajaran Guru Dalam Konteks Pendidikan Teknik dan Vokasional	128
	5.4 Cadangan	129
	5.4.1 Cadangan bagi Kajian Lanjutan	131
	 RUJUKAN	 134
	LAMPIRAN	145

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Ringkasan soalan-soalan kajian yang berpadanan dengan hipotesis-hipotesis nol ingin diuji	13
3.1	Taburan sampel kajian	53
3.2	Padanan item soal selidik A dengan persoalan kajian	57
3.3	Padanan item soal selidik B dengan persoalan kajian	58
3.4	Skor darjah persetujuan jawapan	58
3.5	Darjah hubungkait yang ditunjukkan oleh saiz pekali korelasi	65
3.6	Matriks bagi analisis data	67
4.1	Bilangan item mengikut bahagian dari borang soal selidik set A	70
4.2	Bilangan item mengikut bahagian dari borang soal selidik set B	70
4.3	Tahap skor min bagi keberkesanan latihan dalam perkhidmatan dan keberkesanan pengajaran guru	71
4.4	Jadual bilangan dan peratusan guru-guru mengikut sekolah	72
4.5	Taburan bilangan dan peratusan umur guru-guru yang terlibat dalam kajian	73
4.6	Bilangan dan peratusan guru mengikut tempoh mengajar	73

4.7	Taburan kekerapan pelajar-pelajar mengikut sekolah dan mata pelajaran	74
4.8	Bilangan guru mengikuti latihan dalam perkhidmatan dan mata pelajaran yang diajar	75
4.9	Bilangan dan peratusan jenis-jenis latihan dalam perkhidmatan yang dikuti oleh guru teknik dan vokasional	76
4.10	Skor min persepsi guru terhadap tahap keberkesanan latihan dalam perkhidmatan	81
4.11	Skor min persepsi guru terhadap kesan latihan dalam perkhidmatan ke atas pengajaran guru	83
4.12	Skor min tahap keberkesanan pengajaran guru teknik dan vokasional mengikut persepsi guru dan pelajar	87
4.13	Skor min tahap keberkesanan pengajaran guru mengikut sekolah hasil daripada persepsi pelajar	91
4.14	Skor min tahap keberkesanan pengajaran guru mengikut mata pelajaran hasil daripada persepsi pelajar	94
4.15	Kenyataan guru terhadap latihan dalam perkhidmatan secara keseluruhan	98
4.16	Peratus lulus dan bilangan cemerlang mengikut sekolah dan guru bagi mata pelajaran PKE	100
4.17	Peratus lulus dan bilangan cemerlang mengikut sekolah dan guru bagi mata pelajaran PKM	101
4.18	Peratus lulus dan bilangan cemerlang mengikut sekolah dan guru bagi mata pelajaran PKA	102
4.19	Peratus lulus dan bilangan cemerlang mengikut sekolah dan guru bagi mata pelajaran LK	103
4.20	Ujian- <i>t</i> untuk perbezaan pencapaian pelajar di antara yang diajar oleh guru yang tidak mengikuti latihan dan mengikuti latihan dalam perkhidmatan	104

4.21	Hubungan di antara keberkesanan latihan dalam perkhidmatan dengan keberkesanan pengajaran guru mengikut sekolah	106
4.22	Hubungan di antara keberkesanan latihan dalam perkhidmatan dengan keberkesanan pengajaran guru mengikut mata pelajaran	106
4.23	Hubungan di antara pencapaian pelajar dengan keberkesanan pengajaran guru mengikut sekolah	108
4.24	Hubungan di antara pencapaian pelajar dengan keberkesanan pengajaran guru mengikut mata pelajaran	108
4.25	Hubungan di antara keberkesanan latihan dalam perkhidmatan dengan pencapaian pelajar mengikut sekolah	110
4.26	Hubungan di antara keberkesanan latihan dalam perkhidmatan dengan pencapaian pelajar mengikut mata pelajaran	110

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka teori kajian	17
1.2	Konsep latihan dalam pendidikan	18
2.1	Model prestasi kerja Porter dan Lawler	26
2.2	Model prestasi Blanchard dan Thacker	27
2.3	Model latihan Kirkpatrick	31
2.4	Model sistem terbuka latihan berkesan	34
2.5	Faktor-faktor yang memberi impak ke atas pencapaian pelajar	45
3.1	Carta aliran proses pungutan data	61
4.1	Hubungan di antara keberkesanan latihan dalam perkhidmatan dengan keberkesanan pengajaran guru	105
4.2	Hubungan di antara keberkesanan pengajaran guru dengan pencapaian pelajar	107
4.3	Hubungan di antara keberkesanan latihan dalam perkhidmatan dengan pencapaian Pelajar	109
5.1	Model kontekstual untuk pembelajaran di sekolah	123

SENARAI SINGKATAN

ATM	-	Automated Teller Machines
BBM	-	Bahan Bantu Mengajar
BLKS	-	Bahagian Latihan dan Kemajuan Staf
COKER	-	The Classroom Observations Keyed for Effectiveness Research
GPK	-	Guru Penolong Kanan
ICT	-	Information and Communication Technology
ILO	-	International Labour Office
INTAN	-	Institut Tadbiran Awam Negara
KBSM	-	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
LK	-	Lukisan Kejuruteraan
MLVK	-	Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan
P & P	-	Pengajaran dan Pembelajaran
PIBG	-	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PKA	-	Pengajian Kejuruteraan Awam
PKE	-	Pengajian Kejuruteraan Elektrik
PKJ	-	Pengajian Kejuruteraan
PKM	-	Pengajian Kejuruteraan Mekanikal
PK/S1	-	Penolong Kanan SMT Kluang
PK/S2	-	Penolong Kanan SMT Segamat
PK/S3	-	Penolong Kanan SMT Muar

PK/S4	-	Penolong Kanan SMT Batu Pahat
PK/S5	-	Penolong Kanan SMT Pontian
PTV	-	Pendidikan Teknik dan Vokasional
SMT	-	Sekolah Menengah Teknik
SPSS	-	Statistical Package for the Sosial Science
UNESCO	-	United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang soal selidik set A (guru)	145
B	Borang soal selidik set B (pelajar)	151
C	Borang soalan temu bual	154
D	Senarai soalan untuk dijawab oleh guru dan nama kod yang digunakan dalam kajian ini (soal selidik set A)	155
E	Senarai soalan untuk pelajar dan nama kod yang digunakan dalam kajian ini (soal selidik set B)	158
F	Ujian Apha Croncbach	160
G	Persepsi guru terhadap keberkesanan latihan dalam perkhidmatan	167
H	Penilaian guru terhadap pengajaran mereka setelah mengikuti latihan dalam perkhidmatan	169
I	Persepsi guru-guru terhadap keberkesanan pengajaran mereka	171
J	Senarai nama yang mengesahkan instrumen-instrumen kajian	173

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pembangunan profesionalisme sangat penting dalam usaha membantu Malaysia menjadi sebuah negara maju. Ia juga berkaitan dengan pembangunan modal insan dalam menghasilkan tenaga manusia yang produktif, cekap dan mempunyai nilai moral yang kukuh di kalangan pekerja. Sehubungan dengan itu, pendidikan dan latihan dalam perkhidmatan merupakan satu mekanisme penting dalam pembangunan modal insan bagi melahirkan pekerja yang produktif dan cekap seterusnya menjadi aset yang bernilai bagi sesuatu organisasi.

Latihan merupakan satu aktiviti peningkatan kemahiran, pengetahuan dan perubahan sikap (INTAN, 1989: 7). Latihan dalam perkhidmatan pula didefinisikan sebagai perolehan kemahiran, peraturan, konsep atau sikap yang sistematik dan dapat memperbaiki prestasi dalam situasi kerja (Goldstein dan Gessner (1988) dalam Tight (2000: 19)). Latihan dalam perkhidmatan amat perlu memandangkan ia lebih menekankan kepada idea '*mastering*' atau meningkatkan kepakaran dalam tugas atau peranan tertentu. Grubb dan Ryan (1999) pula mendefinisikan latihan dalam perkhidmatan sebagai satu latihan peningkatan yang menyediakan latihan tambahan kepada individu yang sedang bekerja memandangkan terdapat perubahan dalam bidang kerjaya seseorang, perubahan teknologi dan organisasi kerja yang semakin kompleks. Latihan dalam perkhidmatan atau pembangunan staf merangkumi semua aktiviti yang bertujuan membangunkan kemahiran kerja dan kemahiran baru untuk para pekerja bagi membolehkan mereka menjadi pekerja yang produktif secara

berterusan. Hal yang demikian dinyatakan oleh penulis-penulis yang berkaitan dengan program latihan seperti Blanchard dan Thacker (2004), Krempel dan Pace (2001), Kirkpatrick (1998), Davis dan Davis (1998), Baharudin (1996), Wan Azmi (1994), Reeves (1994) dan French (1986).

Sebelum sesuatu program latihan dalam perkhidmatan untuk pekerja dilaksanakan, peringkat 'mengenalpasti keperluan latihan' merupakan peringkat pertama dan penting dalam proses kitaran latihan. Pembentukan sesuatu program latihan yang baik dan berfaedah bagi kumpulan sasaran banyak bergantung kepada cara pengenalpastian keperluan latihan sebenar kumpulan tersebut. Keperluan latihan boleh didefinisikan sebagai jurang antara kecekapan sebenar dengan tahap kecekapan yang dikehendaki. Hal ini bertujuan agar seseorang pekerja itu dapat menunjukkan prestasi yang berkesan terhadap diri sendiri dan juga organisasi. Keperluan latihan juga boleh dimaksudkan sebagai perkara-perkara yang hendak dipelajari oleh individu dan seterusnya menjadi pengalaman pembelajaran yang perlu diikuti selepas program latihan (Maimunah, 1990). Analisis keperluan latihan dan hubungannya ke atas pengajaran dan pembelajaran adalah penting untuk memastikan para pelajar mendapat manfaat yang maksimum dan guru pula mendapat latihan yang sesuai demi pembangunan modal insan dan negara.

Dalam konteks pendidikan, latihan dalam perkhidmatan dianggap sebagai elemen penting untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam bidang teknik dan vokasional. Guru-guru dalam bidang pendidikan teknik dan vokasional memerlukan pengetahuan, pengalaman serta kemahiran yang tinggi memandangkan proses pengajaran mereka banyak melibatkan pengaplikasian teknologi. Pendedahan guru-guru teknik dan vokasional kepada program latihan dalam perkhidmatan sangat bersesuaian dengan aspirasi negara dalam memperkasakan modal insan bagi melengkapkan mereka dengan kemahiran dan pengetahuan untuk menjadikan mereka *guna tenaga yang produktif*. Kesedaran kepada perlunya pembangunan modal insan melalui latihan dalam perkhidmatan ini jelas dapat dilihat melalui ucapan Perdana Menteri, Y.A.B Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam Persidangan Dunia ke-35 Persekutuan Antarabangsa Pertubuhan-Pertubuhan Latihan dan Pembangunan (IFTDO) pada 22 Ogos 2006: